



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**TEKNISYEN PEMELIHARAAN PERALATAN MATA (D.4 EB.5)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. TEKNISIYEN PEMELIHARAAN PERALATAN MATA
KEMENTERIAN KESIHATAN
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Elektrikal / Elektronik / *Medical Technology* / Sains atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Pembantu Kanan Kaji Mata atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau Pembantu Kaji Mata atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Bersedia untuk mengikuti latihan dan kursus-kursus yang berkaitan dengan perkembangan di bidang farmasi dari semasa ke semasa

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Calon-calon yang berjaya akan di tempatkan untuk bertugas di klinik-klinik atau pusat-pusat kesihatan dan Bilik Pembedahan Mata;
2. Bertanggungjawab memelihara keselamatan kesemua peralatan-peralatan mata yang ditempatkan di klinik-klinik atau pusat-pusat kesihatan dan Bilik Pembedahan Mata di bawah kawalan masing-masing;
3. Menyediakan dan mengemas peralatan-peralatan sebelum dan selepas pembedahan serta memastikan ianya sentiasa dalam berkeadaan selamat digunakan dan *sterilize*;



4. Bertanggungjawab menyediakan peralatan-peralatan (*disposable*) bagi mesin-mesin bedah seperti:-
 - Mesin *Phacoemulsification*
 - Mesin *Vitrectomy*
 - *Indirect Light*
 - Mesin *Kryo*
 - *Microscope*
 - Mesin *Endolaser*
 - Mesin *Magnet*
5. Menyediakan senarai stok bagi keperluan klinik-klinik dan bilik-bilik Bedah dan Bilik Pembedahan Ringan (*Minor Theatre / Dressing Room*);
6. Menguruskan penempatan peralatan-peralatan mengikut arahan Ketua Jabatan dan Pengurus Klinikal; dan
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai Atasan dari semasa ke semasa.